

UIP bakal jadi mercu tanda baru bandaraya

DE 19/10/2011 3

Stephanie Lee

KOTA KINABALU: Projek UMS Link International Precinct (UIP) dijangka menjadi kejayaan cemerlang bagi kedua-dua Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan cabang pelaburan milik penuhnya UMS Link.

Projek itu, yang akan terletak di sebuah tapak perdagangan seluas lima ekar di Alamesra, lebuhraya Sulaman di sini, juga akan menjadi satu lagi kemajuan perniagaan yang penting bagi Sabah.

Pengerusi Kumpulan UMS Link Holdings Sdn Bhd, Datuk K.Y. Mustafa berkata, ia bukan sahaja memberi faedah kepada pelajar antarabangsa dan pegawai dagang tetapi juga menyumbang terhadap industri pelancongan negeri.

Beliau berkata demikian ketika menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Beli, Bina, Sewa dan Pindah antara syarikat itu dengan Doldenmas Development Sdn Bhd pada Selasa.

Beliau berkata, projek itu akan menampilkan infrastruktur berciri moden antaranya menara pejabat UIP setinggi enam tingkat, sebuah hotel butik 95 bilik dan sebuah kolam renang, sebuah menara apartment dengan 160 unit apartment tiga dan dua bilik, pusat perubatan pakar 100 katil dan juga sebuah teater mini dan lot peniagaan.

"Suka kami maklumkan bahawa pelan UIP itu dimajukan selaras dengan spesifikasi teknologi hijau dan menelan kos pembangunan lebih RM170 juta," katanya.

Mustafa berkata, projek itu dijangka bermula pada April tahun depan dan siap dalam masa 36 bulan.

Signifikannya projek itu adalah Goldenmas akan membeli tanah itu, membina dan memajukan kawasan berkenaan dan menyewakannya semula kepada UMS dan pengusaha berkaitan yang lain.

"Ini bermakna, universiti itu akan dibantu dari segi kewangan dengan erti kata UMS tidak bergantung sepenuhnya terhadap pembiayaan kerajaan untuk kos operasinya," jelas beliau.

Dalam soal itu, katanya, projek itu dan juga penandatanganan perjanjian itu adalah usaha uni-



MUSTAFA (kanan) menyerahkan dokumen perjanjian itu kepada **Yasid** sambil diperhatikan oleh **Hamid** (tengah).

versiti dalam memperkukuhkan aktiviti perniagaan utama sedia adanya dalam pendidikan dan latihan, perundingan dan pengkomersilan.

"Ia juga untuk memajukan dan mewujudkan projek hartanah baharu berasaskan jana pendapatan dengan menceburi ke dalam infrastruktur dan perkhidmatan pendidikan cemerlang sebagai satu mercu tanda baharu perniagaan bagi menampung permintaan antarabangsa.

"Dengan projek itu, UMS Link yakin dalam menyediakan sumbangan kewangan yang lebih baik kepada UMS.

"Ini akan membolehkan UMS memenuhi aspirasinya untuk secara perlahan-lahan mengurangkan penggantungan terhadap gran kerajaan," kata beliau.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egeh berkata, apabila siap kelak, UIP itu akan menjadi satu lagi mercu tanda ikonik kepada pencakar langit bandaraya.

Turut hadir ialah Pengarah Projek Goldenmas Development Sdn Bhd, Mohamad Yazis Hanifah, Pengarah Goldenmas, Willy Lee, dan Pengarah Urusan UMS Link, Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi.